

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menangani isu syarikat-syarikat multinasional di Malaysia khususnya di Labuan yang mengambil langkah memberhentikan pekerja atas alasan penjimatan kos. Berapa banyak kes di Mahkamah Buruh yang dapat diselesaikan yang memfailkan kes atas sebab diberhentikan secara tidak adil dan tidak melalui prosedur yang betul.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perniagaan atau syarikat mengambil tindakan menstrukturkan atau menutup perniagaan yang bertujuan menstabilkan keuntungan dan daya saing syarikat terutamanya jika terdapat situasi syarikat menanggung kerugian kesan kejatuhan permintaan tidak terkecuali syarikat-syarikat di Labuan juga terjejas.

2. Pemberhentian juga berpunca pertukaran pemilikan perniagaan, penjualan syarikat, pemindahan perniagaan ke negara lain dan tindakan perundangan, terdapat situasi di mana sebahagian pekerja telah diambil bekerja semula bekerja atau ditamatkan sepenuhnya. Hak dan perlindungan pekerja yang terjejas tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

SOALAN NO : 534

3. Sekiranya pemberhentian yang melibatkan syarikat masih beroperasi, pekerja yang terjejas boleh mengambil tindakan permohonan membuat *reinstatement* dengan memfailkan kes di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Akta ini memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja terhadap sebarang bentuk penamatan kerja tanpa sebab atau tanpa alasan yang munasabah untuk pemulihan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bilangan pekerja yang diberhentikan kerja pada tahun ini (sehingga September 2019) adalah seramai 24,600 orang pekerja. Daripada jumlah ini seramai 21,625 pekerja (87.9%) diberhentikan secara biasa dan seramai 2,975 (12.1%) adalah mereka yang diberhentikan secara sukarela.

5. Manakala bilangan kes yang dikendalikan di Mahkamah Buruh sehingga Oktober 2019 adalah sebanyak 13,231 kes yang melibatkan amaun yang di perintah bayar sebanyak RM27,466,616.